



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN PASARAN PEKERJAAN DAN TREND GAJI 2023**

1. Saya ingin merujuk kepada Laporan Pasaran Pekerjaan dan Trend Gaji 2023 yang diterbitkan oleh Randstad serta disiarkan di media tempatan pada 29 Januari 2023. Laporan tersebut menyatakan bahawa gaji pekerja Malaysia dijangka naik setinggi 20 peratus bagi pekerja yang akan menukar pekerjaan di tiga sektor iaitu teknologi, pembuatan dan pembinaan. Sampel kajian melibatkan 2,524 responden yang mewakili syarikat yang mempunyai lebih 1,200 pekerja. Laporan ini tidak menggambarkan keseluruhan sektor pekerjaan di Malaysia dan juga boleh menimbulkan kekeliruan dari segi penetapan kadar gaji minimum semasa di negara ini.
2. Saya ingin memperjelaskan bahawa semakan kepada gaji minimum semasa serta penetapan kadar gaji minimum baharu yang bersesuaian adalah menggunakan formula yang dipersetujui oleh tiga pihak berkepentingan iaitu Majikan, Pekerja dan Kerajaan. Mengikut seksyen 25(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) 2011 [Akta 732], kadar gaji minimum semasa yang sedang berkuatkuasa akan disemak setiap dua tahun. Semakan ini melibatkan pengumpulan data primer yang diperolehi daripada sesi libat urus dan edaran borang kaji selidik serta analisis data sekunder yang melibatkan gaji dan petunjuk sosio ekonomi semasa.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**31 JANUARI 2023**